

# .mynic

# LAPORAN TAHUNAN 2022



## Perpaduan Komuniti .MY, Perkasa Liberasi Digital

# Kandungan

<b>Mengenai MYNIC</b>	<b>1</b>
<b>Ahli Lembaga Pengarah</b>	<b>3</b>
<b>Barisan Pengurusan Kanan</b>	<b>4</b>
<b>Perutusan Pengerusi MYNIC</b>	<b>5</b>
<b>Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC</b>	<b>7</b>
<b>Pencapaian Korporat 2022</b>	<b>9</b>
<b>Pencapaian Media Sepanjang Tahun 2022</b>	<b>13</b>
<b>Perpaduan Komuniti .MY Memperkasa Ekonomi Digital</b>	<b>17</b>
<b>Aset Digital Negara .MY Menuju Globalisasi</b>	<b>21</b>
<b>MYNIC Memacu Globalisasi .MY Bersama Registrar</b>	<b>23</b>
<b>Pembangunan Modal Insan, Asas Kejayaan MYNIC</b>	<b>26</b>
<b>Penambahbaikan Produk MYNIC Sepanjang 2022</b>	<b>31</b>
<b>Pertumbuhan Perniagaan &amp; Kewangan</b>	<b>33</b>

## **Maklumat Korporat**

**Nama Syarikat** MYNIC Berhad (735031-H)

**Diperbadankan** 24 Mei 2006

**Alamat Tetap** Level 3, Tower 2,  
Menara Cyber Axis,  
Jalan Impact,  
63000 Cyberjaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Alamat  
Pendaftaran** Suite C-5-4,  
Wisma Goshen Plaza Pantai,  
Jalan Pantai Baru,  
52200 Kuala Lumpur, Malaysia

**Setiausaha  
Syarikat** AAJ Management Services Sdn. Bhd.



# Mengenai MYNIC

MYNIC Berhad adalah merupakan pendaftar rasmi domain .MY di Malaysia yang bertauliah dan diiktiraf oleh ICANN (*Internet Corporation for Assigned Names and Numbers*).

Sebagai salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), MYNIC komited dalam memastikan organisasi dan individu di Malaysia sentiasa ke hadapan selari dengan arus perkembangan ekonomi digital malahan, semakin giat dalam mengkomersialkan identiti nama domain .MY ke peringkat antarabangsa.

MYNIC merupakan sebahagian daripada pemboleh upaya ekonomi digital negara yang bertanggungjawab menerajui industri nama domain Malaysia. MYNIC juga merupakan sebahagian daripada komponen infrastruktur informasi kritikal negara. MYNIC akan terus berusaha memperkasakan transformasi digital individu, perniagaan dan organisasi bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi digital.

MYNIC sentiasa berusaha bagi memperkasakan perniagaan dan industri sebagai sebahagian daripada ekonomi digital melalui pembangunan industri nama domain yang merupakan salah satu infrastruktur ICT di Malaysia.

MYNIC juga akan terus komited untuk membawa nama domain .MY dan memastikan jenama MYNIC terus relevan bukan hanya di Malaysia bahkan di luar negara.

## Visi

Visi kami adalah untuk menjadi Registry Kod Peringkat Tertinggi Negara (ccTLD) bertaraf dunia dalam mempromosikan .MY dan sebagai pemangkin inisiatif ekonomi digital.

## Misi

Dedikasi dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan .MY.

## Nilai Keutamaan

Nilai keutamaan kami berdasarkan pada asas organisasi berprestasi tinggi:

- Inovasi
- Perkhidmatan mesra pengguna
- Integriti
- Komitmen ke arah kecemerlangan

# Menghubung dan Berkhidmat Demi Negara sejak 1987

## Perkhidmatan Teras MYNIC

### Nama Domain Kategori Terbuka

#### **.my**

bagi individu dan semua organisasi di Malaysia

#### **.com.my**

organisasi /aktiviti komersil

#### **.biz.my**

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

#### **.net.my**

organisasi /aktiviti yang berkaitan dengan rangkaian

#### **.org.my**

organisasi /aktiviti lain

#### **.name.my**

bagi warganegara dan bukan warganegara yang menetap di Malaysia sahaja

### Nama Domain Kategori Terhad

#### **.gov.my**

agensi kerajaan Malaysia sahaja

#### **.edu.my**

institusi pendidikan Malaysia sahaja

#### **.mil.my**

agensi ketenteraan Malaysia sahaja

#### **.coop.my**

eksklusif bagi koperasi yang berdaftar di bawah SKM

### Nama Domain Antarabangsa (IDN)

- Aksara Jawi (جوي.my)
- Aksara Cina (天空.my)
- Aksara Tamil (இந்தியா.my)

### Perkhidmatan Pendaftaran

- Pangkalan Data
- WHOIS
- DNS Resolution

### Perkhidmatan Tambahan

- .MY Domain Name Dispute Resolution Services (MYDRP)
- Sensitive Domain Names Dispute Resolution Policy (SNDRP)
- Premium Domain Name (PDN)

### Perkhidmatan untuk Mendaftar

- Pendaftaran dalam talian
- Customer Care & Resellers Support Services



## Ahli Lembaga Pengarah



**Pengerusi**  
YBrs. Dr. Mohamed Awang Lah



**YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Mentek**



**YM Raja Iskandar Shah Raja Ibrahim Shah**



**YBhg. Datuk Haji Mohd Fuad Tukirin**



**YBhg. Datuk Wira Dr. Rosli Mat Hassan**



**YBrs. Encik Nik Abdul Aziz Nik Yaacob**



**YBrs. Encik Mahizzan Mohd Fadzil**

## Barisan Pengurusan Kanan



**Ketua Pegawai Eksekutif**  
YBhg. Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan



**Ketua Pegawai Operasi**  
YBrs. Puan Norafizah Abd Rahman



**Ketua Pegawai Pemboleh Upaya Digital**  
YBrs. Encik Md Fariz Ahmad Sanusi



**Ketua Pegawai Kewangan**  
YBrs. Encik Mohamad Farizul Yahaya



**Ketua Pegawai Inovasi**  
YBrs. Encik David Chui Siew Choong



# Perutusan Pengerusi MYNIC



**“Pada tahun 2022 menyaksikan MYNIC rancang memperluas serta memperkukuhkan infrastruktur digital dan teknologi.”**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Tahun 2022 merupakan tahun yang sangat menarik dan mencabar apabila kita menyaksikan anjakan perkembangan globalisasi, antaranya peralihan daripada fasa pandemik kepada endemik. Selain itu, konflik Rusia dan Ukraine pada awal tahun 2022, diikuti dengan kadar inflasi yang meningkat, krisis tenaga dan krisis makanan sedikit sebanyak memberi impak kepada perkembangan serta keyakinan global untuk kekal stabil.

Akan tetapi, rakyat Malaysia menerima berita baik apabila Kementerian Kewangan Malaysia mengeluarkan kenyataan melaporkan perkembangan positif di mana prestasi ekonomi negara meningkat kepada 8.7 peratus pada penghujung tahun 2022, berbanding 3.1 peratus pada tahun sebelumnya. “Pertumbuhan 8.7 peratus bagi 2022 disokong oleh prestasi ekonomi yang kukuh pada suku keempat 2022 yang antara lain menyaksikan pemulihan dalam perbelanjaan swasta dan pelaburan, penurunan pengangguran dan pengukuhan Ringgit. Ini jelas menunjukkan pemulihan keyakinan pengguna, perniagaan dan pelabur terhadap ekonomi negara,” ulas YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Senario yang positif ini merupakan satu perkembangan yang penting bagi membolehkan perniagaan dan masyarakat pulih dari segi kestabilan serta kerancakan sosio ekonomi negara. Kembali kepada keadaan normal adalah perubahan yang dinantikan oleh semua lapisan masyarakat berikutan pelbagai cabaran yang telah dihadapi selama lebih dua tahun.

Ternyata banyak pengajaran yang kita perolehi dari situasi ini, antaranya termasuklah bagaimana pandemik telah mengubah cara perniagaan dijalankan yang mana ianya telah membuka paradigma baharu kepada organisasi besar mahu pun usahawan kecil untuk mengguna pakai model perniagaan berasaskan digital.

Walau bagaimanapun, transisi ini memerlukan inovasi, kreativiti, keupayaan dan kesanggupan perniagaan untuk menerapkan perubahan tersebut dalam operasi perniagaan mereka sebagai norma

baharu. Perubahan dilihat agak mencabar bagi Malaysia, di mana Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) secara umumnya masih belum bersedia sepenuhnya untuk beralih daripada norma perniagaan tradisional disebabkan oleh pelbagai faktor seperti keperluan pelaburan, aliran tunai yang tinggi dan juga kekurangan ilmu dalam pendigitalan.

Menyedari hakikat ini, tahun 2022 menyaksikan MYNIC rancang memperluas serta memperkukuhkan infrastruktur digital dan teknologi terutamanya kepada golongan PMKS lebih-lebih lagi sektor perniagaan di kawasan luar bandar. Ini seiring dengan usaha transformasi digital oleh pihak Kerajaan dalam pembangunan infrastruktur 5G dan pelaksanaan program Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) merentasi semua sektor.

Pelbagai program dan inisiatif antaranya Latihan Keusahawanan Digital dalam kalangan PMKS telah dilaksanakan oleh MYNIC bersama pihak Kementerian serta agensi terlibat bagi menyokong golongan ini meningkatkan keberkesanan sumbangan kepada ekonomi negara melalui platform digital.

MYNIC turut memperkemas infrastruktur, keupayaan serta kelengkapan lain sebagai persediaan menghadapi pasaran global pada tahun 2023. Insya Allah, nama domain .MY bakal diperkenalkan di peringkat antarabangsa dan pendaftaran aset digital ini boleh diakses di merata dunia. Selain dapat mengukuhkan nilai nama domain .MY, pelbagai manfaat lain juga

bakal diperolehi termasuklah peningkatan aliran tunai ke dalam negara yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan ekonomi.

Manifestasi .MY ke peringkat global ini diinspirasi dengan kejayaan beberapa ccTLD yang berjaya menempa nama di pasaran antarabangsa. MYNIC yakin usaha pengeksportan nama domain .MY yang berbekalkan keunikannya tersendiri bakal mendapat perhatian masyarakat global.

Akhir kata, saya berharap agar segala usaha dan inisiatif MYNIC dapat mengekalkan kestabilan makro ekonomi negara yang menjadi aspek terpenting agar ekonomi Malaysia terus maju secara domestik dan antarabangsa. Cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2022 telah menjadikan MYNIC lebih komited untuk memperkasa transformasi ekonomi digital negara secara holistik.

Kami menghulurkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan pihak Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia, agensi di bawahnya, rakan kolaborasi serta rakan niaga yang terlibat dalam menjayakan segala inisiatif MYNIC pada 2022.

Kami di MYNIC sentiasa terbuka dan menyambut baik kerjasama daripada rakan-rakan industri yang berkongsi visi dan misi yang sama untuk mencapai aspirasi kerajaan dalam memangkin kestabilan ekonomi, sekaligus memacu negara menjadi sebuah negara digital serba maju.

Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohamed Awang Lah**



# Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC



**“MYNIC secara proaktif telah mengambil dan mencari peluang untuk terus berusaha menjadi sebahagian daripada pemangkin ekonomi digital negara.”**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Pelbagai peristiwa mewarnai tahun 2022, sama ada di peringkat global mahupun tempatan di mana kestabilan ekonomi merupakan salah satu agenda utama dalam menghadapi pasca pandemik. Tanggal 1 April 2022, merupakan tarikh istimewa dan bersejarah apabila Malaysia akhirnya membuka semula sempadannya dan beralih ke era endemik. Peralihan ini sememangnya disambut baik oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia kerana ianya mampu merancakkan dan menstabilkan ekonomi negara setelah dua tahun sebelumnya terjejas teruk akibat COVID-19.

MYNIC juga tidak terkecuali terkesan dengan situasi ini, akan tetapi kami terus mengambil dan mencari peluang untuk menjadi lebih proaktif serta terus berusaha menjadi sebahagian daripada pemangkin ekonomi digital negara. Pelbagai pengajaran dapat kita pelajari sepanjang pandemik, antaranya sentiasa bersedia dan tidak mudah panik dalam menghadapi sebarang krisis serta melengkapkan diri dengan ilmu dan perancangan masa hadapan yang lestari agar kita dapat bertindak dengan bijak dan rasional jika berlaku lagi perkara-perkara di luar jangkauan kita.

Oleh itu, MYNIC sebagai salah satu dari pengupaya kritikal ekonomi digital negara, organisasi tunggal dalam mengurus dan mentadbir satu-satunya aset digital negara akan terus teguh bersama kerajaan dalam memacu Malaysia menjadi sebuah negara digital serba maju.

Penganjuran APAC DNS Forum 2022 bersama *The Internet Corporation for Assigned Names and Numbers (ICANN)* merupakan permulaan yang baik untuk MYNIC apabila menjadi tuan rumah kepada *DNS Forum* pertama di Asia Pasifik. Forum yang telah dihadiri oleh peserta dari 24 negara ini merupakan salah satu inisiatif MYNIC dan ICANN untuk berkongsi dan bertukar pengetahuan serta meneroka kerjasama dalam kalangan komuniti DNS dan teknologi di rantau Asia Pasifik. Ia juga menjadi platform bagi pengamal DNS dari pelbagai latar belakang untuk berbincang dan bertukar pandangan mengenai penerokaan teknologi baru, melihat dari pelbagai perspektif di dalam topik

penyalahgunaan DNS, serta lain-lain lagi inisiatif digital turut dikongsi.

Selain itu, MYNIC turut merangka inisiatif khusus buat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan memperkenalkan sesi webinar mingguan yang dilihat dapat memberi kesedaran mengenai kepentingan, nilai dan manfaat mendigitalisasikan perniagaan mereka ke dalam talian. Sesi webinar percuma ini telah disiarkan melalui saluran media sosial rasmi MYNIC iaitu *Facebook* dan *YouTube* yang telah berjaya menarik lebih 25,000 penonton sepanjang tahun 2022. Webinar mingguan ini turut memberi peluang kepada usahawan bimbingan MYNIC dan tetamu jemputan berkongsi kisah kejayaan mereka di dalam platform ilmu ini bagi memperkasakan perniagaan dalam talian agar terus relevan terhadap persekitaran perniagaan yang pantas berubah di era ekonomi digital.

Usaha MYNIC dalam terus mempromosikan nama domain *biz.my* kepada PMKS turut menjadi agenda utama MYNIC pada tahun 2022 sebagai salah satu inisiatif 'nation building'. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu mereka mentransformasikan perniagaan ke dalam talian serta meningkatkan pemahaman kepada kepentingan bagi perniagaan untuk melengkapkan ekosistem e-Dagang. Nama domain *biz.my* yang ditawarkan secara percuma melalui pelbagai pendekatan, di antaranya 'road-tour' atau jelajah MYNIC di program-program anjuran kerajaan dan agensi yang telah dinikmati oleh lebih dari 8,000 usahawan sepanjang tahun 2022. Ingin saya katakan di sini, MYNIC akan terus bersama PMKS dalam mengadaptasikan perniagaan digital pada tahun-tahun akan datang dengan lebih banyak program serta inisiatif bakal diwujudkan bagi memastikan mereka lebih berdaya saing, keupayaan penggunaan teknologi digital ditingkatkan serta aktiviti ekonomi digital negara terus berkembang dan bertaraf dunia.

Kepesatan arus globalisasi terus menjadi pemangkin kepada usaha MYNIC dalam mencapai Teras Inisiatif Strategik atau 'Key Strategic Initiative' syarikat. Justeru, tahun 2022 menyaksikan persediaan MYNIC ke arah globalisasi terutamanya penyelidikan, penambahbaikan sistem serta infrastruktur agar dapat memenuhi kehendak pasaran global. Kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang

berkaitan, rakan kongsi dan pendaftar bertauliah turut diperkukuh dalam merealisasikan visi MYNIC untuk menjadi Pendaftar *Top-Level Domain (TLD)* bertaraf dunia. Keunikan nama domain *.MY* dan kelebihan lain seperti tahap ciri keselamatannya menjadi asas keyakinan terhadap usaha penglobalisasian ini, sekaligus menjadikan nama domain *.MY* sebagai pilihan bagi identiti dan jenama pemegang nama domain. Insya Allah, MYNIC kini bersedia untuk melebarkan sayap ke peringkat dunia pada tahun 2023.

Pembangunan Modal Insan juga menjadi tunggak kepada prestasi syarikat tahun lalu. MYNIC terus komited dalam mewujudkan tenaga kerja yang berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi. Nilai Budaya Berprestasi Tinggi dan Data & Servis Sentrik akan terus diterapkan di kalangan warga MYNIC agar menjadi aset terbaik, berdaya saing dan produktif. Usaha yang telah dicurahkan oleh warga MYNIC untuk memastikan visi dan misi MYNIC tercapai merupakan kunci kepada anjakan paradigma terhadap kejayaan syarikat di masa hadapan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Komunikasi dan Digital serta agensi-agensi di bawahnya atas kerjasama yang diberikan sepanjang lebih tiga dekad MYNIC di dalam industri nama domain. MYNIC pastinya akan sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada masyarakat Malaysia dan menjadi salah sebuah organisasi utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi digital negara.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan**



# PENCAPAIAN KORPORAT 2022

## MAC 2022

### Memorandum Persefahaman (MoU) antara MYNIC dan SAMENTA

MYNIC Berhad telah menerima kunjungan delegasi Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA) ke Menara Cyber Axis, Cyberjaya pada 11 Mac 2022. SAMENTA diwakili oleh YBhg. Datuk William Ng, Pengerusi SAMENTA dan YBhg. Datin Lorela Chia, Timbalan Pengerusi SAMENTA.

Satu sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) turut berlangsung di antara SAMENTA dan MYNIC Berhad yang masing-masing diwakili oleh YBhg. Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC Berhad dan YBhg. Datin Lorela Chia, Timbalan Pengerusi SAMENTA.

Kerjasama yang terjalin di antara MYNIC dan SAMENTA ini dilihat dapat membantu para usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam mengembangkan potensi perniagaan mereka menerusi penjenamaan digital dengan nama domain .MY.

Kerjasama ini juga seiring dengan usaha MYNIC untuk terus melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi memperkasakan usahawan di negara ini agar terus kompetitif dan relevan terhadap persekitaran di dalam ekonomi digital.



## APR 2022

### Asia Pacific Domain Name System (APAC DNS) Forum

APAC DNS FORUM 2022 yang bertemakan *Beyond Technology: The Revolution of DNS*, adalah forum pertama di Asia Pasifik yang dihoskan bersama oleh MYNIC dan *The Internet Corporation for Assigned Names and Numbers (ICANN)*. Objektif penganjuran adalah untuk mengumpulkan pakar daripada industri DNS serantau untuk membincangkan secara meluas tentang perkembangan, peluang, dan cabaran terkini pasaran nama domain. Variasi topik menarik telah dibincangkan sepanjang penganjurannya seperti peranan DNS, keselamatan DNS, trend industri semasa, potensi, kesan perkembangan dasar dan teknologi industri DNS.



### Kursus Pemasaran Digital bagi Memperkasakan Pemasaran Produk Pertubuhan Peladang dan Peladang Outlet (PO)

MYNIC telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Kursus Pemasaran Digital bagi memperkasakan pemasaran produk Pertubuhan Peladang dan Peladang Outlet (PO), anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Kursus ini telah diadakan pada 13 hingga 15 April 2022, bertempat di Hotel Impiana, Ipoh, Perak.

Seramai 66 orang peserta daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dari serata Malaysia mengambil bahagian.

Peserta telah diberikan pendedahan mengenai penggunaan Penjenamaan Digital, SEO, Google MY Business dan Google Analytics. Para peserta juga berjaya menyiapkan premis digital yang lengkap dengan maklumat tentang produk PPK masing-masing.





# APR 2022

## MYNIC Sertai BizFrancais

MYNIC sertai program BizFrancais anjuran Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) yang giat memperhebatkan usahawan yang berminat dalam perniagaan francais.

Program berkenaan dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Keusahawanan) KUSKOP, Datuk Zamri Salleh. Program BizFrancais yang bermula di Pulau Pinang ini berjaya menarik minat lebih 300 peserta daripada kalangan usahawan, bakal usahawan dan orang awam yang berminat mengetahui lebih lanjut mengenai ilmu keusahawanan francais dan bantuan yang ditawarkan PERNAS.

MYNIC sebagai salah satu pempamer bagi program tersebut tidak ketinggalan mengambil peluang untuk memberi penerangan dan kesederan kepada para usahawan francais mengenai kelebihan menggunakan nama domain .MY sebagai alamat laman sesawang mereka.



# JUL 2022

## Promosi COOP.MY Sempena Hari Koperasi 2022

Sempena Hari Koperasi bermula 28 hingga 31 Julai 2022 bertempat di MINES International Exhibition & Convention Centre (MIECC) Selangor, MYNIC telah diberi peluang untuk mempromosikan nama domain terbaru COOP.MY.

COOP.MY merupakan salah satu inisiatif bersama untuk membantu koperasi yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam meningkatkan kapasiti serta keupayaan perniagaan mereka daripada luar talian ke dalam talian.



# OGOS 2022

## Program Latihan Pembangunan Premis Digital 2022

Seramai 35 orang usahawan yang terpilih menghadiri Program Latihan Pembangunan Premis Digital 2022 di Bangi Resort Hotel anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia (LPP) bersama MYNIC yang telah berlangsung selama 3 hari dari 10 hingga 12 Ogos 2022.

Majlis Perasmian dihadiri oleh Puan Norafizah, Ketua Pegawai Operasi MYNIC Berhad dan Puan Sabariah Mohd Sharif, Ketua Unit Pembangunan Usahawan & Pembiayaan, LPP. Melalui program ini para peserta bukan sahaja memperoleh domain .MY dan mempelajari ilmu mengenai pendigitalan perniagaan, malah turut akan diberikan bimbingan selama 3 bulan selepas program.

Semoga program ini dapat mencapai objektifnya dan dapat membantu usahawan-usahawan untuk terus mengorak langkah bagi menghadapi cabaran dalam perniagaan era dunia digital.



# NOV 2022

## Program Jalinan Kerjasama diantara MYNIC, SKM dan IKMa

Satu lagi langkah ke hadapan oleh MYNIC Berhad apabila dua MoU telah berjaya ditandatangani bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dalam Program Jalinan Kerjasama diantara MYNIC Berhad, SKM dan juga IKMa pada 1 November 2022.

Program jalinan kerjasama ini merupakan satu inisiatif untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi digital melalui adaptasi aset digital negara iaitu nama domain COOP.MY dan latihan transformasi pendigitalan dari *offline* ke *online* kepada koperasi-koperasi di Malaysia sempena sambutan 100 tahun Koperasi Malaysia.

MoU telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC bersama YBhg. Dato Haji Zazali Haron, Pengerusi Eksekutif SKM, dan YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, disaksikan oleh YBrs. Encik Ma. Sivanesan Marimuthu, (TKSU (T)) K-KOMM dan YBrs. Dr. Mohamed Awang Lah, Pengerusi MYNIC Berhad.




# PENCAPAIAN MEDIA SEPANJANG TAHUN 2022

MYNIC mendapat liputan media meluas pada tahun 2022, terutamanya dalam inisiatifnya memperkasa usahawan



Sun Daily, 21 Julai 2022

Shaping the Future of MSME with a Solid Online Presence



Dagang News, 19 Julai 2022

Usahawan Perlu Kuasai Ilmu Digitalisasi untuk Lonjak Perniagaan ke Peringkat Global





When it comes to choosing an address, you could just do the obvious and name it after your business. But this might run into issues when the name's taken or when the URL becomes an *unintentional joke* – like when an IT asset scrapping company registered their website as [www.scrap.com](http://www.scrap.com). Ideally, you'd also want something that's **memorable and easy to type** so, for example, if your name's Helmy, one possible option would be [www.helmy.com](http://www.helmy.com).

But wouldn't it be cooler if it was [helmy.my](http://www.helmy.my)?

As it turns out, Malaysia has an awesome country suffix, or more properly known as a *country code top level domain (ccTLD)*, in the form of **.MY**, which basically means that the website belongs to a person or business that's based in Malaysia. These domains are **solely administered by our friends at MYNIC Berhad**, whom we've partnered up with to not just give you some creative options for a **.MY** URL, but also to point out some advantages that having one brings to your website.

## Cilisos Media , 22 Julai 2022

Funny Things Malaysians Can Do with a .MY Website URL

July 26, 2022 | Sponsored Content | Info, Berita, Rangsang Minda, SPONSORED



Bila kita nak buat laman web tu, kena lah fikir pasal URL kan? Dan kebiasaannya, ramai yang akan gunakan nama sendiri atau nama bisnes sebagai URL. Tapi bukankah lebih baik kalau kita pilih URL yang **mudah diingat dan senang orang nak taip**? Contohnya, kalau nama korang Helmy, boleh la pilih [www.helmy.com](http://www.helmy.com).

Hmm... tapi bukan lagi menarik ke kalau kita guna [www.helmy.my](http://www.helmy.my)?

Kalau korang tak tahu lagi, **.MY** ialah akhiran laman web negara kita (mungkin panggil *country code top level domain (ccTLD)*). Kita sebenarnya agak bertuah sebab dapat domain yang menarik dalam bentuk **.MY**, sebab ia membolehkan kita untuk cipta URL yang kreatif dan mudah diingat.

Jadi untuk artikel ni, kami bekerjasama dengan **MYNIC Berhad**, iaitu pentadbir tunggal bagi domain **.MY** untuk memberi korang inspirasi tentang nama-nama laman web yang kreatif!

## Sos Cili Media , 29 Julai 2022

10 URL .MY Kreatif yang Masih Belum Dirembat Orang

## MYNIC enables MSMEs to start digital transformation

By SHARON PHOENIX AUGUST 20, 2022, TUESDAY AT 8:00 AM

### Invest with Fast Direct Execution

Multi-asset, multi-regulated broker  
Our services involve a significant risk and are subject to the loss of your invested capital. T&Cs Apply



Entrepreneurs who are featured in Cerita MY Saja.

**myNIC** KUCHING: MYNIC's Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) enables micro small and medium enterprises (MSMEs) businesses to start their digital transformation from offline to online for them to be found on the internet, be competitive, promote sustainability and future proof in the era of digital economy.

## The Borneo Post, 23 Ogos 2022

MYNIC Enables MSMEs to Start Digital Transformation

## Koperasi raih manfaat pendigitalan perniagaan

By SHARON PHOENIX AUGUST 20, 2022, TUESDAY AT 8:00 AM



KUALA LUMPUR: Koperasi yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan menerima manfaat dalam meningkatkan usaha komersial melalui pendigitalan perniagaan (MID) yang berkesan berkuatkuasa MYNIC.

Antara Program Persekitaran (PRIME), Dataran Hiasan Fesyen, dan lain-lain, MYNIC akan menyediakan perkhidmatan untuk membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

Terdapat perkhidmatan MYNIC seperti MYNIC ID, MYNIC ID Card dan MYNIC ID Card yang akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

Perkhidmatan MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.

MYNIC akan membantu koperasi yang berminat untuk memperolehi manfaat digitalisasi perniagaan mereka.



PETALING JAYA – Hampir 15,000 Koperasi yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bakal menerima manfaat dalam proses pendigitalan perniagaan melalui perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara SKM, MYNIC Berhad dan Institut Koperasi Malaysia (IKM), baru-baru ini.

MYNIC Berhad, agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang merupakan pendahulu dan pendahulu tunggal rasmi nama domain .MY telah mempersembahkan

Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) dan nama domain COOP.MY sebagai identiti digital khas kepada koperasi berdaftar.

Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, Datuk Hasni Fadly Hasan berkata, MoU tersebut merupakan salah satu inisiatif bersejajar untuk membantu koperasi meningkatkan kapasiti serta kecekapan perniagaan mereka daripada offline kepada online.

## Buletin fm, 8 November 2022

COOP.MY Bantu Fasa Pendigitalan Koperasi

## Kosmo, 8 November 2022

COOP.MY Bantu Fasa Pendigitalan Koperasi

## Suara Merdeka, 9 November 2022

MYNIC Berhad Perkenal Domain COOP.MY



# #KOMUNITI.MY PERPADUAN KOMUNITI .MY MEMPERKASA EKONOMI DIGITAL

Dimensi perniagaan yang kian berubah dan memerlukan peniaga menerokai teknologi, terutamanya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa tahun lalu memberi impak penyusutan pelanggan yang ketara. Peralihan ke arah 'dunia digital yang menyeluruh' menyeru lebih ramai usahawan tempatan untuk menguasai kemahiran digital dan seterusnya beralih ke platform digital sebagai alternatif kepada perniagaan konvensional.



Transformasi dari *offline* ke *online* ini menyerlahkan lagi perubahan terhadap amalan serta teori keusahawanan selain menyemarakkan lagi penyertaan masyarakat, khususnya usahawan dalam dunia perniagaan secara global. Pengetahuan terhadap keberkesanan ekosistem e-dagang lengkap yang semakin menyeluruh kini membuatkan lebih ramai usahawan memahami akan kepentingan premis digital.

Selaras dengan aspirasi kerajaan dalam mentransformasikan Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, MYNIC telah mengambil pendekatan untuk bersama usahawan dalam mendepani cabaran di era teknologi ini.

Penganjuran pelbagai siri latihan intensif bersama usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) telah diadakan bagi memperkasa pengetahuan mereka terhadap revolusi teknologi ini.



## Komuniti .MY Platform Komunikasi

Program Pembolehubah Atas Talian atau *Online Enablement Program* yang telah bermula sejak tahun 2019 ini menjadi salah satu inisiatif pemantauan secara menyeluruh di bawah payung 'MYNIC Community Engagement' yang dikenali sebagai Komuniti .MY.

Program sosial berpusat yang menggunakan platform pesanan sosial atau *social messaging* ini bertujuan untuk mendorong aktiviti pembolehubah seperti perkongsian maklumat, pengetahuan, pengalaman dan idea secara berterusan antara ahli dan MYNIC untuk terus kompetitif, kekal relevan selain sebagai platform perpaduan dalam memperkasa ekonomi digital negara.

Tambahan lagi, saluran pesanan sosial seperti 'whatsapp', 'telegram' dan lain-lain yang digunakan oleh Komuniti .MY juga direka dengan tujuan membina persekitaran kolaboratif yang mendorong pertumbuhan, pembangunan, dan inovasi di antara mereka.

Inisiatif ini turut memberikan manfaat terutama kepada usahawan PMKS, yang seringkali berhadapan dengan ketidakpastian dan cabaran dalam menguruskan perniagaan mereka. Para usahawan diberi peluang untuk berinteraksi dengan pakar industri, agensi, dan pemain industri utama seperti SME Corporation atau wakil daripada MATRADE melalui sesi perkongsian pengetahuan bersama Komuniti .MY.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen MYNIC dalam menyokong dan memperkasa usahawan PMKS dalam mendorong nilai keusahawanan dan kreativiti, yang merupakan asas penting dalam pertumbuhan dan kemajuan sesebuah perusahaan.



## Kuasai Aplikasi Pemasaran Digital bersama Komuniti .MY

Pemasaran digital adalah istilah luas yang merujuk kepada pelbagai teknik promosi yang digunakan untuk mencapai pelanggan melalui teknologi digital. Pemasaran digital disertakan dengan pemilihan pelbagai taktik perkhidmatan, produk dan jenama pemasaran, terutamanya menggunakan Internet sebagai medium promosi teras, sebagai tambahan kepada TV dan radio mudah alih dan tradisional.

Pemasaran digital merupakan salah satu elemen penting dalam perjalanan keusahawanan untuk mencapai *target audience* dengan berkesan, selain membina kesedaran jenama dan memacu pertumbuhan perniagaan. MYNIC menyasarkan lebih 2,500 alumni program latihan akan menyertai Komuniti .MY, dimana mereka akan didedahkan dengan ilmu pemasaran digital bagi memperkukuhkan perniagaan mereka seperti Facebook Ads dan pembinaan iklan, Tiktok Trends, Google Ads, Google Trends, SEO, Features & Tools dalam aplikasi Whatsapp Business, Instagram Professional, Penulisan dan lain-lain bersama tenaga pengajar MYNIC yang bertauliah.



Pendedahan kepada aplikasi Pemasaran Digital dapat meningkatkan pemahaman usahawan untuk terus berdaya saing.

Matlamat MYNIC adalah memberikan saluran yang tepat kepada usahawan untuk mengetahui trend terkini dan secara berterusan untuk menyesuaikan strategi perniagaan mereka didalam landskap digital yang sentiasa berubah.

MYNIC akan terus komited dalam membimbing usahawan PKMS untuk kembali bangkit, kembali teguh dan mencapai keuntungan positif melalui penyelesaian digital yang inovatif. Kandungan pembelajaran di Komuniti .MY akan sentiasa dikemaskini seiring dengan perkembangan serta keperluan semasa bagi memastikan agar mereka dapat mengadaptasi perniagaan dalam talian secara dinamik, disamping mengukuhkan penjenamaan produk masing-masing.



## Usahawan Digital MYNIC Apa kata mereka?



### Azarin Razali Premis Digital: wheelchair2u.my

**"Premis digital memberikan impak yang besar kepada perniagaan saya. Alhamdulillah pada tahun lepas, saya mendapat tempahan dari pelanggan yang berada di Singapura, Australia dan juga Rusia. Ini membuatkan saya terus bersemangat dan yakin untuk mencapai sasaran perniagaan saya."**

Azarin Razali

Azarin yang berasal dari Klebang, Melaka merupakan pengasas syarikat Good Take Care Trade yang mengeluarkan kerusi roda bermotor pertama di Malaysia. Beliau memulakan perniagaan sekitar akhir tahun 2016 dengan menggunakan media sosial sebagai platform untuk mempromosikan produk Gospeedi hasil ciptaan sendiri.

Menyedari kepentingan teknologi terhadap kemajuan perniagaan, Azarin mula belajar selok-belok konsep perniagaan e-dagang. Bercita-cita untuk memasarkan produknya ke arena antarabangsa, Azarin mengambil inisiatif untuk membangunkan premis digital [www.wheelchair2u.my](http://www.wheelchair2u.my) pada 7 Jun 2021.

Kini Azarin mampu tersenyum bangga apabila Gospeedi jenama yang dibangunkan, telah berjaya mendapat tempahan pelanggan antarabangsa, antaranya dari Singapura, Australia dan juga Rusia.

Azarin Razali juga berharap agar lebih banyak lagi inisiatif yang berkaitan digital dapat diberikan kepada golongan OKU untuk perkembangan serta pembangunan sosioekonomi golongan istimewa ini.

### Nurul Hidayah Mohd Sukri Premis Digital: hidayahcookies.com.my

**"Program Latihan MYNIC banyak membantu saya untuk memahami selok-belok perniagaan atas talian dengan efisien. Paling teruja apabila kini sudah mempelajari dan boleh mengemaskini sendiri laman sesawang saya pada bila-bila masa."**

Nurul Hidayah

Nurul Hidayah Mohd Sukri, usahawan bimbingan MYNIC ini telah memulakan perniagaan bakerinya sejak tahun 2002 lagi. Merupakan perniagaan legasi daripada ibu beliau Puan Sarimah, Nurul Hidayah mengambil inisiatif menyertai Program Latihan MYNIC pada 2021 untuk mengukuhkan lagi jenama produk beliau terutamanya di atas talian.

Program latihan selama tiga hari yang disertai Nurul Hidayah ini merupakan salah satu prakarsa MYNIC untuk mengembangkan jaringan perniagaan usahawan. Peserta akan didedahkan dengan pelbagai pengetahuan untuk meningkatkan kemahiran mereka di dalam teknologi penjenamaan, pemasaran digital dan lain-lain lagi.

Nurul Hidayah menyatakan premis digital merupakan satu saluran yang memudahkan produk beliau untuk dijumpai dalam talian terutamanya penggemar biskut di Malaysia.



## #GLOBALISASI

# ASET DIGITAL NEGARA .MY MENUJU GLOBALISASI

Pendaftaran nama domain .MY di peringkat global sumbang kepada peningkatan ekonomi negara


Globalisasi merupakan salah satu faktor dominan dalam memperkasa ekonomi, baik untuk negara mahupun organisasi serta individu. Kemajuan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) banyak membantu dalam mempergiat perdagangan antarabangsa, selain akses kepada saiz pasaran yang lebih luas.

MYNIC Berhad, agensi teknikal di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) kini sedang dalam fasa terakhir untuk memperluas pasaran nama domain .MY ke peringkat global. Perancangan globalisasi yang telah bermula sejak beberapa tahun lalu bakal menyaksikan pembukaan pendaftaran Nama Domain Peringkat Kedua (2LD) .MY kepada lebih ramai pengguna komuniti digital di seluruh dunia.



Nama domain .MY yang telah diperkenalkan sejak 36 tahun lalu mempunyai lebih 300,000 pendaftaran di dalam negara. Ini termasuk daripada jabatan dan agensi kerajaan, syarikat-syarikat korporat, institusi pengajian awam dan swasta serta individu. Jumlah pendaftaran ini turut meletakkan nama domain .MY berada kedudukan ketiga tertinggi dalam kategori ccTLD (*country code top level domain*) di peringkat ASEAN, selepas Vietnam (.VN) dan Indonesia (.ID).

**Carta 10 ccTLD ASEAN**  
(Kedudukan ke-3 daripada 10 Negara di Asia)



Berpegang teguh kepada visi syarikat untuk menjadi Pendaftar (*Registry*) Top-Level Domain (TLD) bertaraf dunia, MYNIC kini telah bersedia untuk membuka pasaran nama domain .MY ke peringkat global. Justeru itu, pihak pengurusan MYNIC mensasarkan nama domain .MY bakal berada di pasaran antarabangsa pada suku ketiga tahun 2023.

## Nama Domain .MY Penyumbang Pertumbuhan Ekonomi Negara

Melihat kepada perkembangan ccTLD lain yang menunjukkan peningkatan pesat setelah menembusi pasaran global, MYNIC optimis terhadap potensi pertumbuhan nama domain .MY. Sebagai contoh, negara Montenegro dengan nama domain .ME telah menyumbang kepada 2% daripada hasil eksport negara Balkan itu.

Selain perdagangan hasil komoditi seperti getah, kelapa sawit, petroleum serta barangan Elektrik dan Elektronik (E&E), pengeksporan nama domain .MY sebagai salah satu aset digital negara ini dilihat mampu memperkukuh nilai dan reputasinya, selain memberi manfaat kepada pemegang nama domain sedia ada serta mendorong pertumbuhan pendapatan

ekonomi Malaysia. Lonjakan terhadap aliran matawang asing sehingga RM50 juta ke dalam negara mampu dicapai sekiranya MYNIC berjaya merekodkan 500,000 pendaftaran nama domain di peringkat global.

## Keunikan dan Tahap Keselamatan .MY

Selain manfaat ekonomi kepada negara, pemilikan nama domain .MY mampu memberi impak terhadap perniagaan dari segi peluasan pasaran, jaminan keselamatan serta peningkatan penjenamaan.

Nama domain .MY yang dikendalikan oleh MYNIC mempunyai pelbagai kelebihan tersendiri yang memberi banyak impak positif terhadap perniagaan dalam talian. Umum mengetahui "MY" dalam Bahasa Malaysia membawa maksud 'saya' selain mempunyai konotasi kepunyaan atau "sense of belonging". Keunikan linguistik ini merupakan daya tarikan utama penggunaan nama domain .MY secara meluas, sekaligus menggalakkan lebih ramai komuniti digital untuk mendapatkannya.

Berbeza dengan kebanyakan nama domain lain, pendaftaran nama domain .MY perlu melalui proses pengesahan (*verification*) sebelum ia diluluskan, secara tidak langsung meningkatkan tahap kepercayaan pelanggan, kredibiliti dan profesionalisme sesebuah perniagaan.

MYNIC juga sentiasa proaktif dalam mengawasi nama-nama domain daripada disalahgunakan oleh 'scammers' serta menjalin kerjasama erat dengan badan-badan yang bertanggungjawab untuk memastikan tahap keselamatan nama domain .MY dalam keadaan terkawal. Ini secara tidak langsung meningkatkan reputasi Malaysia sebagai komuniti digital yang mempunyai sistem keselamatan yang kukuh di mata dunia.

Seiring dengan proses globalisasi ini, MYNIC komited dalam mengukuhkan infrastruktur dan menambahbaik sistem sedia ada bagi memberikan pengalaman serta perkhidmatan terbaik kepada pelanggan di dalam mahupun di luar negara.



## #RAKANNIAGA

# MYNIC MEMACU GLOBALISASI .MY BERSAMA REGISTRAR

Dalam menuju ke arah globalisasi, pelbagai inisiatif bersama Rakan Niaga (*Reseller*) atau kini dikenali sebagai Pendaftar (*Registrar*) telah dirangka bagi memastikan semuanya berada di landasan yang tepat. Ini juga adalah sejajar dengan visi MYNIC untuk memperkasa tahap kesiapsiagaan pemain industri nama domain tempatan agar setaraf dengan standard atau piawaian antarabangsa, sekali gus bersama-sama MYNIC dalam meneroka pasaran global dan menjana ekonomi tempatan.

Diatas tujuan ini, MYNIC telah mengadakan sesi libat urus bersama 63 wakil jualan untuk berkongsi maklumat terkini mengenai transisi .MY ke arah globalisasi. Sesi taklimat “.MY Globalization & Registrar

Onboarding” yang dianjurkan turut membincangkan senarai keperluan yang perlu dicapai oleh setiap *Reseller* untuk menaik taraf kepada *Registrar* yang mempunyai peranan serta tanggungjawab yang lebih besar.



Sesi libat urus yang telah diadakan di beberapa buah lokasi sepanjang bulan September hingga Oktober 2022 seperti berikut:

Lokasi	Tarikh
Pejabat MYNIC	02 September 2022
Pejabat MYNIC	06 September 2022
The Prestige Hotel, Pulau Pinang	13 September 2022
Renaissance Hotel, Johor Bahru	23 September 2022
Pejabat MYNIC	30 September 2022
Atas Talian - 'Online'	21 Oktober 2022

Berdasarkan kepada sesi taklimat yang dijalankan, 81% daripada *Reseller* yang hadir menunjukkan reaksi positif untuk bersama MYNIC menjadi *Accredited Registrar* dan seterusnya sebagai sebahagian daripada penyumbang kepada ekonomi digital negara melalui pemasaran nama domain .MY ke pasaran global.

MYNIC sentiasa berusaha memastikan pemeraksanaan kualiti program insentif seperti ini untuk bersama-sama syarikat Pendaftar memacu jenama .MY ke peringkat global. Kolaborasi dan kerjasama daripada kedua belah pihak akan diberi keutamaan bagi memastikan adaptasi digital melalui nama domain .MY ke peringkat global dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.





## Manfaat Globalisasi untuk Registrar



### Pasaran yang Lebih Luas

Registrar Berakreditasi mempunyai akses kepada pasaran yang lebih luas untuk mempromosikan dan menjual nama domain .MY



### Nama Premium Domain .MY

Kelayakan untuk mempromosikan dan menjual nama premium domain .MY



### Harga Runcit Fleksibel bagi .MY

Accredited Registrar boleh memasarkan dan menjual nama domain dengan harga runcit yang fleksibel kerana had harga bagi kategori .MY telah dihapuskan. Oleh itu, margin yang lebih baik dapat diperolehi melalui fleksibiliti harga runcit



### Dana Pemasaran dan Bahan Promosi

Registrar Berakreditasi akan mendapat manfaat dari segi dana untuk pemasaran dan bahan promosi bagi membantu mereka dalam usaha pengiklanan dan jualan nama domain .MY



### Registry Lock Service

Perkhidmatan premium tambahan yang memberikan perlindungan keselamatan bagi data yang berkaitan dengan nama domain, untuk mengelakkan perubahan, pemindahan atau penghapusan yang tidak dibenarkan

## #BUDYAKERJA

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN, ASAS KEJAYAAN MYNIC

Pembangunan Modal Insan merupakan salah satu aspek penting bagi membentuk budaya prestasi tinggi dikalangan kakitangan di dalam sesebuah organisasi. Selain merupakan faktor kritikal dalam menjana dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara, modal insan adalah aset penting kerana dapat menghasilkan nilai tambah yang sangat diperlukan bagi meningkatkan produktiviti, sekali gus memberi sumbangan dalam mencapai aspirasi organisasi serta negara.

Kakitangan yang mempunyai modal insan lebih tinggi bermaksud pekerja lebih cekap dalam melaksanakan tugas secara efisien serta mampu berinovasi dan mencari solusi yang kreatif untuk menyelesaikan sesuatu krisis. Pelaburan terhadap inisiatif ini akan membuahkan hasil lebih efektif untuk jangka masa panjang. Kakitangan akan cenderung untuk kekal bersama sesebuah organisasi bagi jangka masa yang lama jika proses pembangunan modal insan menjadi prioriti di dalam sistem urus tadbir.





Kerajaan juga menekankan penerapan nilai 'al-falah' atau kecekapan melalui pementapan modal insan dengan kompetensi masa hadapan bagi membantu organisasi kukuh dan fleksibel, pengurusan dan pembangunan projek cekap, pantas serta berimpak tinggi.

Kakitangan yang mencapai nilai 'al-falah' memiliki ciri-ciri bermotivasi tinggi, diperkasakan secara holistik menerusi pelbagai inisiatif pembelajaran dan pembangunan sendiri lestari merangkumi pembangunan potensi diri, menterjemahkan visi dan misi organisasi dan pencapaian individu sebenar.

Justeru itu, pembangunan modal insan dengan konsep 'al-falah' meliputi pelbagai aspek, antaranya ialah Pengalaman, Pendidikan dan Latihan. Aspek ini seterusnya akan menghasilkan budaya berprestasi tinggi, satu sistem nilai yang harus disemat oleh setiap kakitangan di dalam sesebuah organisasi.



## MYNIC Bina Budaya Berprestasi Tinggi

Sebagai salah satu pemain utama di dalam landskap digital negara, MYNIC amat mengutamakan kepentingan Pembangunan Modal Insan dikalangan anggota pekerja. MYNIC terus komited dalam mewujudkan tenaga kerja yang berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi melalui pelbagai inisiatif agar keupayaan serta kapasiti pekerja terus terpelihara.

Sejajar dengan objektif ini, MYNIC telah memperkenalkan Nilai Budaya Berprestasi Tinggi dan Data & Servis Sentrik yang terdiri daripada 8 teras strategik bagi mencapai pembangunan modal insan yang lebih dinamik. Nilai 'al-falah' seperti pendidikan serta latihan juga diterapkan di dalam 8 teras strategik ini bagi melestarikan warga MYNIC dengan peningkatan terhadap kesejahteraan hidup, selain memupuk kepemimpinan transformasi dan sekaligus menyumbang kepada pencapaian organisasi seperti disasarkan.



Antara fokus utama MYNIC dalam pelaksanaan nilai Budaya Berprestasi Tinggi dan Data & Servis Sentrik adalah dengan meningkatkan pengetahuan (*knowledge*), keupayaan (*capabilities*) dan kemahiran (*skills*) mereka. Pada tahun 2022, warga MYNIC turut didedahkan dengan pelbagai latihan khusus seperti ESG Evolve 2022: Driving Catalytic Change For Business Sustainability, The Leadership Thinking Code, Hybrid Seminar on Information Security & Business Continuity - ISO/IEC 27001:2022 & ISO 22301:2019, dan Digital Up MDEC TikTok Marketing bagi membentuk warga kerja yang berdaya saing serta mempunyai daya tahan yang tinggi.

Pencapaian dalam melahirkan warga kerja MYNIC yang berprestasi tinggi juga dapat dilihat melalui pelbagai pencapaian yang memberangsangkan seperti berikut:

<p>7 Scrum Master</p>	<p>3 Certified SCRUM Product Owner</p>	<p>2 Certified Customer Operations Performance Centre (COPC) Implementation Leader</p>
<p>5 Certified Transformation Leadership, Chartered Management Institute United Kingdom</p>	<p>16 Certified Professional Coach, Malaysian Institute of Management (MIM)</p>	<p>3 Certified Integrity Officer (CeIO)</p>
<p>10 mendaftar program MBA</p>		



Bagi melahirkan persekitaran yang kondusif pula, ukhwah di antara warga MYNIC amat dititikberatkan dengan mengadakan pelbagai aktiviti bersama. Berikut adalah antara aktiviti Warga MYNIC sepanjang tahun 2022.

### Ucapan dan Sambutan Hari Lahir




### Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Majlis Perkongsian Ilmu



### Aktiviti Sukan bersama All-Star MYNIC




### Apa Kata Warga MYNIC?



**“Pihak pengurusan serta rakan sejawat banyak memberi tunjuk ajar dalam menyelesaikan tugas. Dasar pintu terbuka juga membolehkan kami berinteraksi dengan lebih santai untuk mencapai visi dan misi syarikat.”**

**Salbiah Amran**  
Jabatan Korporat dan Transformasi



**“Sepanjang tahun lepas sahaja, saya telah menyertai lebih 3 latihan untuk memantapkan lagi kemahiran serta pengetahuan di dalam kepimpinan, tadbir urus kerja dan lain-lain lagi. Pengalaman menyertai latihan tersebut bersama pemain industri hebat menjadikan nilai tambah yang bermakna terhadap perjalanan kerjaya saya.”**

**Shafiq Shan**  
Jabatan Pemasaran dan Komunikasi

Pada dasarnya, penginstitution budaya berprestasi tinggi merupakan teras utama (*main core*) kepada keseluruhan pelan strategik dan merupakan hala tuju utama syarikat pada masa kini dan mendatang. MYNIC komited dalam menjadi majikan pilihan dengan mematuhi standard industri yang diiktiraf dengan menawarkan pelbagai faedah yang kompetitif. Usaha yang telah dicurahkan oleh warga MYNIC untuk memastikan visi dan misi MYNIC tercapai merupakan kunci kepada anjakan paradigma terhadap kejayaan syarikat di masa hadapan.



# PENAMBAHBAIKAN PRODUK MYNIC SEPANJANG 2022

## Peralihan kepada Portal SELFCARE

Bermula Jun 2022, peralihan sepenuhnya untuk sistem pengurusan domain yang digunakan sejak 2010 kepada portal SELFCARE. SELFCARE sebelum ini diperkenalkan secara berperingkat bermula pada tahun 2017 dengan ciri-ciri dan interface yang lebih mesra pengguna untuk membantu mereka menguruskan nama domain .MY dengan lebih mudah dan efisien.

## Pengenalan Nama Domain COOP.MY



Pada September 2022, kategori nama domain baharu COOP.MY diperkenalkan eksklusif hanya untuk kegunaan koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Sempena pelancaran ini, koperasi-koperasi di Malaysia dapat mendaftar nama domain COOP.MY mereka pada harga promosi iaitu RM100 selama 2 tahun dan RM300 selama 3 tahun.

## Pengenalan WHOIS Privacy

Domain Name	mynic.my
Domain Registration Date	9 January 2008
Domain Expiry Date	9 January 2029
Domain Last Updated	27 January 2021
DNSSEC	Signed Delegation
Reseller Name	MYNIC Berhad
Reseller Phone Number	1300-88-7277
Nameserver	b.nic.my b1.nic.my c.mynic.centralnic-dns.com d.mynic.centralnic-dns.com a.mynic.centralnic-dns.com b.mynic.centralnic-dns.com

Menjelang November 2022, WHOIS Privacy diperkenalkan untuk meningkatkan tahap kerahsiaan dan maklumat peribadi pengguna. Menerusi WHOIS Privacy, maklumat seperti nama, alamat dan alamat email tidak akan dipaparkan lagi. Privasi pengguna juga turut dijaga dan dikawal.

## Mekanisme Baharu Penjualan Nama Domain Premium .MY

Pada Disember 2022, mekanisme baharu penjualan nama domain premium .MY telah diperkenalkan dimana pengguna boleh mendapatkannya daripada mana-mana rakan niaga yang berdaftar secara sah di bawah MYNIC. Pengguna boleh menyemak senarai nama domain .MY di pdn.mynic.my.

## Pengenalan Pakej Latihan Dalam Talian



Menuju ke penghujung dan penutup bagi tahun 2022, MYNIC mula menawarkan pakej latihan dalam talian kepada orang awam yang membolehkan peserta untuk mempelajari teknik

membina laman sesawang serta ilmu pemasaran digital dalam talian. Mereka yang berminat untuk mendaftar boleh melawati laman sesawang training.mynic.my.

## Pengenalan Kitaran Hayat Baharu Nama Domain .MY

Kitaran hayat (*lifecycle*) nama domain .MY dan polisi domain selaras dengan standard nama domain antarabangsa telah diluluskan sepenuhnya untuk pelaksanaan usaha-usaha globalisasi .MY. Antara perubahan yang dilakukan ialah tempoh pemanjangan maksima pendaftaran nama domain .MY kepada 10 tahun yang sebelumnya hanya 5 tahun sahaja, pengenalan proses *post-verification* untuk nama domain berakhir .MY bagi tujuan mempercepatkan masa pengaktifan nama domain serta pengenalan fasa-fasa baharu seperti *Renewal Grace Period*, *Redemption Grace Period* dan *Pending Delete*.

## Cabaran dan Penambahbaikan

Tahun 2022 merupakan tahun transformasi bagi MYNIC dalam merealisasikan usaha globalisasi nama domain .MY dan ini telah menjadi pendorong untuk terus konsisten dalam memperkenalkan tawaran baharu disamping menambahbaik kualiti produk sedia ada untuk kemudahan pengguna .MY.

MYNIC akan terus membangunkan ciri-ciri baharu pada produk yang ditawarkan termasuk pengenalan kitaran hayat nama domain .MY (*lifecycle*) baharu kepada pengguna, mekanisme 2FA baharu, *Registry Lock*, dan Nama Domain Diantarabangsakan (IDN).

Tambahan lagi, tahun 2023 adalah tahun yang signifikan untuk MYNIC dimana tumpuan diberikan kepada pengenalan nama domain .MY ke pasaran antarabangsa yang dijadualkan pada suku ketiga 2023.

## Trivia

**1.2 juta**  
Kunjungan ke laman sesawang  
mynic.my pada tahun 2022

**764 ribu**  
Carian WHOIS pada tahun 2022




# PERTUMBUHAN PERNIAGAAN & KEWANGAN




## Prestasi Kewangan Keseluruhan


**Pendapatan**  
(RM '000)




**Keuntungan Sebelum Cukai**  
(RM '000)



**Keuntungan Selepas Cukai**  
(RM '000)



**Simpanan Tunai**  
(RM '000)






**.mynic**

**MYNIC Berhad** (735031-H)

Level 3, Tower 2,  
Menara Cyber Axis,  
Jalan Impact,  
63000 Cyberjaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

t +603 8008 2000    w [mynic.my](http://mynic.my)  
f +603 8008 2020     MYNIC Berhad